

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN
AHMAD
[MERSING]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2017 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Bin Ahmad [Mersing] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah proaktif Kerajaan dalam usaha untuk memastikan projek MRT khususnya laluan bawah tanah dapat dilaksanakan di kawasan tanah milikan persendirian dan sejauh manakah projek MRT telah berjaya membantu mengurangkan beban kewangan rakyat daripada segi penggunaan kos minyak, tol serta bayaran tempat letak kereta.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam isu pengambilan tanah untuk pembinaan laluan MRT bawah tanah, pihak MRT Corp sentiasa akan mencuba pendekatan perjanjian untuk wujud bersama (*agreement for mutual coexistence*) dengan pemilik tanah persendirian bagi situasi-situasi tertentu. Melalui perjanjian ini, pengambilan tanah secara wajib di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 tidak perlu dilakukan di mana pemilik tanah tersebut membenarkan pembinaan terowong atau pun struktur-struktur MRT yang lain di bahagian bawah tanah tersebut.

2. Antara manfaat yang diperolehi daripada perjanjian wujud bersama ini adalah penjimatan pampasan yang perlu dibayar sekiranya tanah diambil secara wajib. Pada masa yang sama, pemilik tanah dapat terus memilliki tanah tersebut.

3. Dari segi meringankan beban rakyat, Projek MRT telah membawa pelbagai manfaat kepada rakyat dari segi penjimatan kos pengangkutan. Kos menggunakan pengangkutan awam secara amnya adalah lebih murah jika dibandingkan dengan penggunaan kenderaan peribadi yang memerlukan perbelanjaan pelbagai kos seperti bahan api, kos pemilikan kenderaan seperti faedah pinjaman, insurans, cukai jalan, penyelenggaraan dan perbelanjaan yang berkaitan yang lain seperti bayaran tempat letak kereta dan tol.

4. Di samping itu, perjalanan menggunakan MRT dan rel bandar yang lain seperti LRT, KTM Kòmuter dan Monorel adalah mengikut jadual tersendiri yang tidak dipengaruhi oleh kesesakan lalu lintas. Oleh yang demikian, pengguna boleh merancang masa perjalanan mereka dengan lebih mudah.

Sekian, terima kasih.